

Tengku Hassanal ikrar berusaha selamatkan Harimau Malaya

BERNAMA



HARIMAU Malaya. FOTO arkib NSTP

Kuantan: Pemangku Raja Pahang Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini menzahirkan ikrar untuk melaksanakan tanggungjawab dan berusaha sebaiknya untuk menyelamatkan Harimau Malaya supaya tidak pupus.

Baginda bertitah langkah tegas perlu diambil bagi menyelamatkan haiwan yang menjadi simbol keberanian dan kekuatan rakyat Malaysia kerana spesies itu kini mengalami ancaman kepupusan yang kritikal.

"Jika kita bertindak dengan bersungguh-sungguh dan penuh ikhlas, saya percaya kita pasti dapat menyelamatkan Harimau Malaya yang merupakan ikon kemegahan Malaysia. Kita perlu melindungi kawasan hutan yang merupakan warisan biodiversiti yang tiada galang gantinya," titah baginda menerusi kenyataan di sini hari ini.

Usaha menyelamatkan Harimau Malaya, menurut Tengku Hassanal juga tidak boleh dilakukan bersendirian, sebaliknya memerlukan kerjasama dan kolaborasi penuh antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri selain perlu dilengkapi dengan pengetahuan, teknologi, sumber dan bantuan teknikal pakar tempatan serta antarabangsa.

Sehubungan itu, baginda bertitah agar kerajaan Pahang dapat melaksanakan langkah penting untuk memelihara dan memulihara Harimau Malaya termasuk memberi keutamaan untuk menubuhkan unit penguatkuasaan yang berkesan bagi menghapuskan ancaman pemburu haram.

"Pemburu haram yang terlibat dalam kegiatan ini perlu ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan selain habitat utama Harimau Malaya iaitu 'Greater' Taman Negara dan kawasan sekitarnya dilindungi segera serta jaringan koridor hidupan liar di kawasan Central Forest Spine dipulihkan," titah baginda.

Disiarkan pada: Jun 10, 2022 @ 4:46pm